

Tajuk : Sonar Tribal kebanggaan UNIMAS

# Sonar Tribal kebanggaan Unimas

SAMARAHAN 13 Mac - Pelancaran EP pertama bertajuk *First Episode* oleh kumpulan Sonar Tribal baru-baru ini menjadi kebanggaan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) kerana membuktikan warga kampus itu tidak hanya cemerlang dalam bidang akademik semata-mata.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Unimas, Prof. Mohd. Fadzil Abdul Rahman berkata, Sonar Tribal mampu menjadi contoh kepada pelajar lain supaya berusaha bersungguh-sungguh dalam apa jua bidang yang diceburi.

“Unimas tidak hanya mementingkan kecemerlangan akademik semata-mata, malah kita turut menyediakan platform untuk mengasah kemahiran insaniah lain.

“Walaupun anggota Sonar Tribal ini merupakan pelajar bidang kejuruteraan sivil dan ekonomi, mereka membuktikan pelajar Unimas mampu mengorak langkah jauh dalam bidang muzik,” katanya ketika melancarkan album tersebut di sini baru-baru ini.

*First Episode* mengandungi enam lagu moden kontemporari berunsur etnik yang dirakamkan oleh Sonar Tribal di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif Unimas dan Shone Music House.

Dianggotai enam Unimas, kumpulan itu merupakan pemenang pertandingan DiGi Challenge for Change (C4C) 2011 bagi Zon Sarawak dan akan mewakili negeri ini di peringkat akhir yang dijadual berlangsung di Kuala Lumpur pada 21 dan 22 Mac ini.

Pertandingan anjuran syarikat telekomunikasi Digi itu memberi peluang kepada Sonar Tribal untuk menjadi technopreneurs, iaitu pencipta muzik genre moden menggunakan teknologi mobil dan internet.

Selain pertandingan C4C, Sonar Tribal turut mendapat perhatian seluruh dunia melalui laman perkongsian video Youtube dan laman sosial Twitter serta Facebook selain menerima undangan persembahan daripada pelbagai badan korporat serta organisasi media.

Sebarang maklumat lanjut mengenai Sonar Tribal dan album mereka, *First Episode*, orang ramai boleh menghubungi Nor Azalina Rosli di talian 082-583301.